

# Panduan bagi pengguna

## Bagaimanakah saya boleh membuang sisa tajam saya dengan selamat?

### How do I safely throw out my sharp waste?

Malay / English

#### Apakah yang dimaksudkan dengan sisa Sharps

Sharps ialah alat perubatan yang boleh menusuk kulit dan boleh mendatangkan kemudaratan seperti picagari dengan jarum, jarum cucuk jari atau lanset. Sesetengah orang perlu menggunakan jarum untuk memberi ubat mereka dan memantau kesihatan mereka.

#### Mengapakah ia penting untuk membuang Sharps dengan selamat?

Untuk menjaga keselamatan orang lain, anda sama sekali tidak boleh meletakkan benda tajam ke dalam tong sampah atau barang kitar semula. Sampah dan barang kitar semula anda mungkin akan diasing-asingkan dengan menggunakan tangan. Pelupusan benda tajam dengan selamat memastikan tiada risiko bahaya kepada orang lain.

Adalah penting untuk memeriksa dengan majlis perbandaran tempatan anda tentang peraturan pelupusan benda tajam kerana ia mungkin berbeza dari tempat ke tempat. Pihak majlis perbandaran anda boleh mengeluarkan denda besar jika pelupusan tajam yang selamat tidak dituruti.

Jika anda menggunakan bekas plastik keras bertutup untuk sisa tajam anda, Majlis perbandaran tempatan anda mungkin akan membenarkan anda memasukkannya ke dalam tong sampah.

#### Bagaimanakah cara saya boleh membuang benda tajam dengan selamat?

Sentiasa pastikan benda tajam anda selamat dan dibuang dalam bekas plastik yang kuat . Bekas yang kuat ialah bekas yang tidak boleh dikemekkan. Letakkan bekas sisa tajam anda di atas meja atau permukaan atas kabinet dapur untuk memasukkan tajam anda dengan selamat, jangan sekali-kali di atas riba anda.

Anda boleh gunakan	
	
	

**JANGAN buang benda tajam ke dalam**

**Botol plastik lembut**

**Tin aluminium**

**Kotak kadbot**

**Bekas kaca kerana ia boleh pecah**

**Di manakah saya boleh mendapatkan bekas tajam yang selamat?**

Kebanyakan majlis perbandaran menyediakan bekas tajam yang selamat secara percuma. Hubungi majlis perbandaran anda untuk mengetahui apa yang mereka lakukan. Anda boleh mendapatkan bekas tajam yang selamat dari hospital atau farmasi tempatan anda. Tanya jika anda akan dikenakan bayaran. Anda juga boleh membeli bekas benda tajam dari [www.diabetesshop.com](http://www.diabetesshop.com) atau telefon 1300 776 388

**Apakah yang perlu saya lakukan apabila bekas benda tajam saya hampir penuh?**

Adalah penting untuk hanya mengisi bekas sisa tajam anda sehingga  $\frac{3}{4}$  penuh atau paras yang ditunjukkan. Pastikan penutupnya ditutup rapat sebelum ia dibawa ke pusat pelupusan. Cara paling selamat untuk membuang bekas sisa tajam anda adalah di hospital awam, sesetengah farmasi atau majlis perbandaran tempatan anda.

Bincangkan dengan jururawat pelawat anda jika anda memerlukan lebih banyak sokongan.

<b>Diabetes Australia</b>	Telefon: 02 6232 3800 <a href="https://www.diabetesaustralia.com.au">https://www.diabetesaustralia.com.au</a>
<b>Diabetes NSW &amp; ACT</b>	Telefon: 1300 342 238 atau 02 9552 9942 <a href="https://diabetesnsw.com.au">https://diabetesnsw.com.au</a>
<b>Diabetes QLD</b>	Telefon: 1800 177 055 <a href="https://www.diabetesqld.org.au">https://www.diabetesqld.org.au</a>
<b>Diabetes Vic</b>	Telefon: 1300 437 386 <a href="https://www.diabetesvic.org.au">https://www.diabetesvic.org.au</a>
<b>Skim Perkhidmatan Diabetes Kebangsaan</b>	Talian Bantuan NDSS 1800 637 700 <a href="https://www.ndss.com.au">https://www.ndss.com.au</a>